

MediaTitle	Berita Minggu	Language	Malay
Date	12 Feb 2017	Readership	947,000
Circulation	125,514	Color	Full Color
Section	Nasional	ArticleSize	1166 cm <sup>2</sup>
Page No	12,13	PR Value	RM 120,117
AdValue	RM 40,039		



# Trump lebih radikal warisi dasar AS

Keputusan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump menyekat kemasukan rakyat dari tujuh negara Islam serta pelarian Syria mengundang bantahan penduduk dunia. Ada yang menyifatkan tindakan Trump itu radikal dan keterlaluan, malah dikatakan bagi mengukuhkan pengaruh dan kedudukan AS-Israel.

**Wartawan BH Ahad, MOHD NASARUDDIN PARZI** menemubual Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia (JUST), Dr Chandra Muzaffar dan Dekan Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM) yang juga pakar hubungan antarabangsa, Prof Madya Dr Ahmad Marthada Mohamed, bagi memahami apa sebenarnya yang cuba mempengaruhi dasar luar Trump.

**Dr Chandra Muzaffar**

**S: Bagaimana Dr melihat keputusan itu?**

**J:** Dasar luar Trump tidak begitu jelas. Ada aspek tertentu yang mencerminkan visi dibangkitkan beliau masa kempen. Dari sudut lain, sebahagian dasarnya juga terarah kepada golongan neo-konservatif yang satu masa dulu mempengaruhi pentadbiran bekas Presiden AS, George W Bush. Ada aspek yang mempengaruhi dasar luarnya setakat ini yang dapat kita baca melalui sidang media dan kenyataannya. Kita dapat tangkap memang ada pengaruh tertentu tetapi tidak begitu jelas.

**S: Apakah AS di bawah Trump ketika ini masih dibelenggu dengan isu keselamatan yang serius sehingga mengambil tindakan drastik seumpama itu?**

**J:** Pada pandangan saya, bagi AS tidak kira Trump, Barack Obama atau presiden sebelumnya, ada aspek tertentu yang mereka terus melaksanakan tidak kira siapa. AS sebagai kuasa besar menganggap penguasaan terhadap dunia sebagai matlamatnya. Ini tidak boleh diubah. Ini adalah dasar dan misi AS sejak perang dunia kedua iaitu untuk menguasai dunia. Kita tahu apa yang dilakukan AS selepas perang dunia kedua, mereka tubuhkan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) untuk mempengaruhi dunia. AS tubuhkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia untuk kuasai ekonomi dan penguasaan terhadap budaya, sistem maklumat dan teknologi dunia. Kalau kita lihat pada Trump lakukan dari satu segi, dia sebenarnya melakukan dasar yang sama. Dia anggap penguasaan sebagai ancaman kepada AS. Apa yang dilakukan presiden sebelum Trump pun sama. Ada pihak tertentu yang dia labelkan sebagai penganas dan mengancam AS. Contohnya, apa yang berlaku pada tanggal 21 September 2001 digunakan sebagai alasan, bahawa AS diserang menyebabkan 3,000 nyawa terkorban. Mereka anggap itu sebagai alasan atau dalih untuk terus penguasaannya terhadap dunia. Atas matlamat itu, negara Asia Barat mula dikuasai. Ya, (Asia Barat) mungkin tempat lahirkan penganas, kita juga tahu itu tempat yang banyak eksport minyak. Rantau itu penting dari segi strategiknya, kerana tiga benua bertemu di situ - Asia, Eropah dan Afrika, sebagai laluan dan ada terusan.

**S: Apakah aspek keselamatan yang cuba dimainkan AS ketika ini mempunyai hubung kaitnya dengan Israel?**

**J:** Secara tidak langsung juga. Sebab definisi keselamatan bagi Israel, dia mesti kena mendominasi rantau itu baru rasa selamat serta mampu mengawal, apatah lagi kuasanya. AS juga seperti mana terbongkar dalam beberapa tulisan melalui bukti dokumentari, bukti yang disampaikan melalui persidangan antarabangsa, kita tahu bahawa AS juga terbabit dalam kegiatan penganas. Mereka membiayai, melatih, berkongsi maklumat penting dengan penganas kerana penganas ini macam alat dia. Seperti yang berlaku di Iraq selepas Saddam Hussien digulingkan, dilantik pemimpin yang lebih cenderung kepada dasar mereka. Bila mula nampak muncul golongan tempatan berkuasa di Iraq, dasar AS mula untuk tidak sehaluan dengan mereka kerana golongan itu lebih mendokong Iran. Begitu juga di Syria, mereka terbabit secara langsung dengan penganas. Dia gunakan isu itu (sebagai bahan propaganda) tetapi pada masa sama, mereka sokong dan merestui kegiatan penganas.

**S: Sekatan kemasukan itu kononnya mahu mengekang penularan keganasan, apakah ia langkah wajar?**

**J:** Menyekat kemasukan warga dari tujuh negara yang majoriti Islam itu sebahagian daripada agenda lawan penganas dan usaha melindungi keselamatan AS kononnya. Namun, jika kita lihat pada tujuh negara disenarai Trump, negara seperti Iraq, Syria, Iran, Sudan, Libya, Somalia dan Yaman, ini adalah negara yang dari dulu dianggap sebagai musuh. Mereka harus kawal dan kuasai, malah mereka pernah bom negara ini. Tetapi kalau kita lihat dari segi keselamatan AS dan kegiatan keganasan di AS sendiri, tidak ada seorang pun dari tujuh negara itu yang pernah terbabit.

Contohnya, serangan penganas terbesar dalam sejarah AS pada 21 September 2001, kononnya ada 19 individu terbabit yang merampas kapal terbang, 15 yang disenarai ketika itu adalah dari Arab Saudi jika disemak dari segi latar belakang, termasuk Osama bin Laden yang kononnya merancang komplot biarpun dia bukan juruterbang. Tapi dalam senarai Trump itu, Arab Saudi tidak tersenarai. Negara lain yang terbabit dengan keganasan seperti Pakistan tidak



juga tersenarai. Jadi ini sebenarnya berhubung kait dengan penguasaan dan dominasi AS. Jika diteliti, tujuh negara inilah yang menentang penguasaan AS dan Israel. Ini negara yang dianggap penentang kepada penguasaan AS. Senarai ini bukan baharu, juga ada pada zaman Obama. Tapi Obama tidak sekat kemasukan rakyat, cuma dia pantau. Melalui satu kongres di AS, kalau kita lihat latar belakang senarai negara ini, hampir sama dengan senarai tujuh negara dikeluarkan Pentagon, yang menempatkan ibu pejabat Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat pada 2001. Kecuali satu negara iaitu Lebanon yang diganti dengan Yaman dalam senarai baharu Trump. Jika dilihat senarai analisis Pentagon pada 2001 juga, ia adalah senarai negara yang mana AS nak serang.

**S: Pentadbiran Trump juga sedang mempertimbang menyenaraikan Angkatan Pengawal Revolusi Iran (IRGC) sebagai sebuah pertubuhan penganas?**


**J:** Ada kemungkinan perluasan lagi senarai selepas ini. Dia akan masukkan pertubuhan, pergerakan, negara dan individu tertentu. Kita tidak nafikan Trump ini dari satu segi, macam nak teruskan agenda neo-konservatif. Kalau kita lihat agenda neo-konservatif ini, mereka memang anggap tamadun Islam dan negara muslim sebagai musuh. Trump melalui penyokong dan kempen pilihan rayanya, kelihatan terikat kepada satu kumpulan yang begitu berpengaruh di AS iaitu Kristian-Zionis - golongan Kristian yang 100 peratus menyokong kepada gerakan Zionis. Dia memang terikat kepada kumpulan itu. Naib Presidennya, Mike Pence juga sebahagian daripada apa

**Trump lebih terbuka dalam isu menyentuh Israel, terutama hal penguasaan di negara Asia Barat jika dibandingkan dengan Obama. Orang rasa dia melakukan perkara luar biasa, tetapi sebenarnya bukan. Dia meneruskan dasar dan pendekatan sedia ada, tetapi yang membezakannya ialah Trump lebih radikal dan agresif. AS di bawah Trump akan meneruskan dasar ini kerana dasar ini diwarisi"**

**Dr Chandra Muzaffar,**  
Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia



Headline	Trump lebih radikal warisi dasar AS		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	12 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	12,13	ArticleSize	1166 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 40,039	PR Value	RM 120,117



**Dr Chandra Muzaffar**

yang kita sifatkan golongan kanan kristian. Golongan ekstrem ini turut menjadikan Islam sebagai musuh dan sasaran. Ciri Kristian kanan ini, mereka adalah 100 peratus pro-Israel. Golongan kanan ini bukan semua terbabit, tetapi ada di kalangan mereka yang sokong. Mereka ini menyokong perang terhadap negara Islam seperti mana mereka sokong perang di Iraq dan Libya. Mereka sokong guna ketenteraan untuk kuasai dunia dan bantu kembang ideologi mereka. Jika AS dapat kukuhkan kedudukan Israel ini, dianggap sebagai satu langkah yang perlu.

**S:** **Biarpun menyekat kemasukan rakyat dari tujuh negara, Trump juga mengukuhkan hubungan dengan Turki sebagai rakan strategik dan sekutu NATO, bagaimana Dr melihat usaha itu?**

**J:** Turki adalah anggota NATO, mereka sebahagian daripada pakatan keselamatan Barat. Walaupun dia kritik NATO dalam kempennya, tetapi kalau kita lihat kenyataan selepas dia dipilih sebagai Presiden, dia mula menyokong NATO. Turki dilihat sebagai aset keselamatan barat, itu sebab mereka baik berbanding negara Islam lain. Jangan lupa juga, tujuh negara yang disekat ini, tidak ada pun satu yang menjalin hubungan diplomatik dengan Israel. Turki ada hubungan diplomatik dengan Israel. Dalam senarai itu, Jordan juga tidak termasuk sebab Jordan ada hubungan diplomatik dengan Israel, sama juga Mesir. Sebab itulah, salah satu faktor utama yang mendorong Trump menentukan aspek ter-

tentu dalam dasar luar AS dengan negara Asia Barat adalah Israel. Presiden AS lain mungkin berbeza, Trump dilihat lebih jauh dan kuat terhadap Israel, termasuk kenyataannya menyokong penempatan Israel di Palestin. Dia juga yang menanam hasrat untuk memindahkan pejabat kedutaan AS dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis.

**S:** **Jelas, tindakan ini mengundang bantahan ramai penduduk dunia, apakah gambaran Dr mengenai masa depan Presiden baharu AS ini sebenarnya?**

**J:** Trump lebih terbuka dalam isu menyentuh Israel, terutama hal penguasaan di negara Asia Barat jika dibandingkan dengan Obama. Orang rasa dia melakukan perkara luar biasa, tetapi sebenarnya bukan. Dia meneruskan dasar dan pendekatan sedia ada, tetapi yang membezakannya ialah Trump lebih radikal dan agresif. AS di bawah Trump akan meneruskan dasar ini kerana dasar ini diwarisi. Walaupun ada reaksi dan bantahan, secara langsung ia tidak akan gugat kedudukannya, sama ada akan berlaku benda lain kepada Trump dan pentadbirannya itu, kita tidak tahu. Dari segi penentangan pemimpin serta masyarakat awam di AS, ada beberapa kriteria. Satu, kumpulan yang khuatir kerana Trump dilihat menggunakan cara lebih agresif, macam dia sudah membongkarkan rahsia AS, jadi mereka mula rasa kurang senang dengan Trump. Ada juga menentang kerana mereka ikhlas, termasuk di kalangan cendekiawan dan aktivis. Mereka bantah kerana mereka percaya tindakan Trump ini tidak adil.